

# Bincang semula dengan Tun Mahathir

*Wan Azizah ambil kira keresahan kaum lain di Malaysia*

JANATUL FIRDAUS YAACOB

Keputusan kerajaan untuk memperkenalkan tulisan jawi dan seni khat bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Empat akan dibincanglan semula dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad memandangkan perkara itu membangkitkan keresahan rakyat kaum lain.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, beliau akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir sejurus Perdana Menteri pulang dari lawatan ke kerja ke Fukuoka, Jepun yang dijadualkan pada 6 hingga 8 Ogos ini.

"Saya ambil maklum pendapat orang ramai dan saya akan berbincang dengan Perdana Menteri walaupun beliau sudah keluaran kenyataan... kita akan berjumpa.

"Perdana Menteri akan berlepas ke Fukuoka, jadi kita akan bercang selepas beliau kembali ke tanah air kerana kita ambil maklum keresahan orang dalam isu ini," katanya pada sidang akhbar di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di sini semalam.

Beliau yang juga Presiden Pakatan



Dr Wan Azizah ditemani Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hanna Yeoh merasmikan pelancaran Pertandingan Video Kreatif Kempen Hentikan! Stop It! dan Soal Selidik Mengenai Gangguan Seksual di Putrajaya semalam.



Keratan Sinar Harian 4 Ogos 2019.

Harapan (PH) menjelaskan, tulisan jawi dan khat adalah seni bukannya agama yang perlu dibimbangi.

Pada 3 Ogos lalu, Dr Mahathir menegaskan, keputusan kerajaan untuk memperkenalkan seni khat dan tulisan jawi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Empat adalah kekal.

Menurutnya, kerajaan selama ini tidak pernah menghalang kaum lain untuk mengamalkan penulisan bahasa ibunda masing-masing yang menjadikan negara ini istimewa.

Bagaimanapun, susulan daripada pengumuman Perdana Menteri itu muncul parti politik dan kumpulan yang membantah pelaksanaan dasar itu yang bakal dimulakan tahun depan itu.

Dalam perkembangan berlainan, Dr Wan Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melancarkan pertandingan video kreatif dan soal selidik gangguan seksual sempena kempen hentikan keganasan dan gangguan seksual 2019 sebagai langkah advokasi dan pengumpulan input daripada masyarakat umum.